

0923

B 8192 AAB

MAHATHIR-INDUSTRI

(EMBARGO) UNTUK SIARAN PADA PUKUL 10 MALAM HARI INI)

I

KUALA LUMPUR, 5 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA MESTI MENJADI NEGARA PERINDUSTRIAN SUPAYA RAKYATNYA BOLEH MENGHARAPKAN KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK.

BELIAU PERCAYA KEMUNGKINAN UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN BUKAN LAGI SUATU ANGAN-ANGAN KETIKA BERLAMUNAN.

+ IA BOLEH MENJADI KENYATAAN+, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA JAMUAN TAHUNAN KE-10 INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN DI SINI MALAM INI.

+MALAHAN IA PERLU DILAKUKAN SEKIRANYA RAKYAT MALAYSIA INGIN MENGHARAPKAN KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK, + TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENGELUARAN KOMODITI UTAMA ADA HADNYA, TETAPI FAKTOR YANG MEMBATASKAN PENGELUARAN BARANGAN PEMBUATAN IALAH + KEAZAMAN UNTUK BERKERJA KERAS DAN UNTUK BERSAING+.-- LAGI

2008MST 05 09 88

0931

B 8194 AAB

MAHATHIR-INDUSTRI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DI SEKTOR PEMBUATAN, KATANYA, APABILA HARAPAN MEMUNCAK, MALAYSIA CUMA PERLU BERGERAK KE ARAH PEMBUATAN BARANGAN YANG LEBIH SOFISTIKATED DAN YANG DITAMBAH NILAI UNTUK BEROLEH LEBIH PENDAPATAN

KEMAHIRAN DAN TEKNOLOGI BOLEH DIKUASAI + JIKA KITA BENAR-BENAR MAHU+, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENEKANKAN, WALAUPUN MALAYSIA SEMEMANGNYA BERCITA-CITA MENJADI NEGARA PERINDUSTRIAN, PENGELUARAN BARANGAN UTAMA TIDAK AKAN DIHENTIKAN.

KATANYA, MALAYSIA MENCATATKAN PENCAPAIAN CEMERLANG DALAM SEKTOR ITU DAN BANYAK LAGI YANG BOLEH DILAKUKAN DALAM BIDANG ITU.

BAGAIMANAPUN, ARAHALIRAN SECARA UMUMNYA SEHINGGA TAHUN 2000 SUDAH BOLEH DIGAMBARAKAN DAN ADALAH MEMANFAATKAN UNTUK MELIHAT APA GAMBARAN PADA KETIKA ITU NANTI.-- LAGI

2022MST 05 09 88

0940

B 8198 AAB

MAHATHIR-INDUSTRI 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APABILA MALAYSIA MULA BERGERAK KE TARAF NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN, ADALAH MAJAR MENENTUKAN JENIS BARANGAN YANG HENDAK DIHASILKANNYA.

KATANYA DENGAN TENAGA KERJA YANG KECIL DAN TAHAP PENYELIDIKAN PADA MASA SEKARANG, MALAYSIA TIDAK MAMPU MENYAINGI JEPUN, KOREA SELATAN DAN TAINAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN TINGGI.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA PERLU MENJADI PEHAIN DALAM RUANG YANG KECIL (NICHE-PLAYER) MENGUTAMAKAN BARANGAN YANG NILAI DITAMBAHNYA TINGGI, YANG BOLEH DIHASILKAN BERASASKAN SUMBER-SUMBER ASLI DAN KELEBIHAN SAINGAN.

BELIAU BERKEYAKINAN PARA USAHAWAN TEMPATAN AKAN DAPAT MENCARI JENIS BARANGAN YANG BERTEPATAN UNTUK MENGISI RUANG PASARAN SEKIRANYA MEREKA DIBERIKAN GALAKAN DAN PERANSANG YANG BETUL.-- LAGI

2038MST 05 09 88

0938

B B204 AAB

MAHATHIR-INDUSTRI 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN MALAYSIA TIDAK HARUS LUPA YANG DUNIA, DALAM 1,000 TAHUN (MILLENIUM) AKAN DATANG, AKAN MENJADI PASARAN YANG BERORIENTASIKAN PERKHIDMATAN.

KATANYA, DIANGGARKAN PASARAN BAGI PELANCONGAN, MAKANAN DAN MINUMAN, RAWATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PERIBADI AKAN BERKEMBANG BERBANDING DENGAN PASARAN BAGI BARANGAN PENGGUNA.

+ SEKTOR PELANCONGAN DUNIA SAHAJA DIANGGARKAN BERKEMBANG 3.5 PERATUS SETIAP TAHUN SEHINGGA 1995+, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENYARANKAN PENGLIBATAN CERGAS DALAM INDUSTRI PELANCONGAN SAMBIL MENYATAKAN IA AKAN MENJADI KUASA UTAMA PADA MASA DEPAN DATANG.

PELANCONGAN MERUPAKAN SEKURANG-KURANGNYA 15 PERATUS DARIPADA PERDAGANGAN DUNIA DALAM BIDANG PERKHIDMATAN MENJELANG PERTENGAHAN 1990AN.

KATANYA, SEKTOR PELANCONGAN DAN PERKHIDMATAN AKAN MENJADI SUMBER UTAMA MENYEDIAKAN PEKERJAAN DAN AKAN MENGUNTUNGAN MALAYSIA UNTUK MENGABADIKAN DAN MEMPAMERKAN WARISAN BUDAYANYA.-- LAGI

2111MST 03 09 88

0965

B B206 AAB

MAHATHIR-INDUSTRI 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BEKERJA KUAT UNTUK MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI YANG TEGUH TAHUN LEPAS, SEPERTI YANG DICAPAINYA PADA AKHIR 1970AN, DAN BUKAN KERANA NASIBNYA BAIK SEBAGAIMANA DAKHAAN SESETENGAH PAKAR.

+KEMAKMURAN JANGKA PANJANG TIDAK BERGANTUNG SANGAT KEPADA NASIB TETAPI KEPADA KERAJINAN DAN KETAHANAN RAKYAT DAN JUGA DASAR-DASAR HAJAR DAN TEGUH YANG DILAKSANAKAN KERAJAAN WALAUPUN TIDAK DIGEMARI,+ TAMBAH BELIAU.

SEPANJANG KEMELESETAN EKONOMI PADA 1985/86, KERAJAAN MELAKSANAKAN PELBAGAI LANGKAH PERLU, YANG PERDANA MENTERI SIFATKAN SEBAGAI +TIDAK POPULAR DARIPADA SEGI POLITIK+ UNTUK MEMULIHKAN EKONOMI SUPAYA TEGUH SEMULA DAN BERDAYA SAIN.

LANGKAH-LANGKAH ITU TERMASUK PENGURANGAN PEMBANGUNAN SOSIAL, MEMOTONG SUBSIDI, MENGURANGKAN PERBELANJAAN BERTA MEMBEKUKAN PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN AWAM.-- BERNAMA

2126MST 03 09 88